

ANM(T) 81/10/6/10 (9)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 9 TAHUN 2014**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**PELAKSANAAN PROGRAM NAZIRAN SISTEM PERANCANGAN DAN KAWALAN
BAJET ELEKTRONIK (eSPKB)**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai Program Naziran yang dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia/ Pejabat Perakaunan terhadap Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menggunakan Sistem Perancangan dan Kawalan Bajet Elektronik (eSPKB).

2. KUASA NAZIRAN

Program Naziran dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia / Pejabat Perakaunan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP)138 di mana adalah menjadi kewajipan Akauntan Negara:-

- (a) Melaksanakan pengawasan yang sesuai untuk mengelakkan kehilangan kerana penipuan dan kecuaiian.

- (b) (i) Menjalankan penyeliaan atas penerimaan hasil atau amanah Persekutuan dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa hasil atau amanah itu dipungut tepat pada waktunya,
- (ii) Menerima hanya perbelanjaan yang dibenarkan dengan sepatutnya sebagai pertanggung dalam akaunnya; dan
- (iii) Melaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan apa-apa luar aturan yang matan berhubung dengan akaun awam yang dibawa kepada perhatiannya.

3. OBJEKTIF NAZIRAN

- 3.1 Memastikan PTJ mematuhi Tatacara Pelaksanaan eSPKB dan semua peraturan kewangan yang berkuatkuasa.
- 3.2 Membantu dan memberi khidmat nasihat penggunaan eSPKB.
- 3.3 Melapor kepada:
 - 3.3.1 Ketua PTJ – hasil naziran
 - 3.3.2 Ketua Setiausaha Kementerian/Jabatan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan – sebarang luar aturan yang matan.

4. TANGGUNGJAWAB JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA / PEJABAT PERAKAUNAN

- 4.1 Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan naziran terhadap penggunaan eSPKB di PTJ mengikut jadual.
- 4.2 Menjalankan naziran sekurang-kurangnya sekali setahun kepada semua PTJ eSPKB. Bagi PTJ baru, naziran akan hanya dijalankan selepas enam (6) bulan beroperasi.
- 4.3 Memaklumkan kepada PTJ mengenai tarikh naziran sekurang-kurangnya 14 hari sebelum naziran dijalankan.
- 4.4 Mengemukakan Laporan Naziran kepada Ketua PTJ dalam tempoh 14 hari selepas selesai naziran (*exit meeting*).

- 4.5 Melaksanakan naziran berdasarkan Senarai Semak yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

5. TANGGUNGJAWAB PTJ

- 5.1 Mematuhi Tatacara Pelaksanaan eSPKB dan semua peraturan yang berkuatkuasa.
- 5.2 Memberi kerjasama kepada Pegawai Naziran yang menjalankan naziran di pejabat masing-masing.
- 5.3 Mengambil tindakan susulan ke atas sebarang penemuan yang dibangkitkan di dalam Laporan Naziran PTJ.
- 5.4 Memberi maklumbalas terhadap Laporan Naziran PTJ dalam tempoh 21 hari daripada tarikh surat litup (*cover letter*).
- 5.5 Membentangkan Laporan Naziran PTJ di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun peringkat Kementerian/ Jabatan.

6. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

7. PEMAKAIAN

Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

8. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya surat pekeling ini, Surat Pekeling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2003 adalah dibatalkan.

9. PENUTUP

Kementerian/Jabatan dan Ketua Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi. Sebarang pertanyaan berkenaan Surat Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
Akauntan Negara Malaysia
15 Disember 2014

s.k :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara